

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH
[BESUT]

SOALAN NO. 73

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian masih komited untuk merealisasikan pendidikan percuma; dan
- (b) nyatakan intipati kajian-kajian alternatif daripada pihak berkepentingan mengenai perkara ini sebagaimana yang pernah diperjuangkan oleh beberapa badan penggerak awam, antaranya Gerakan Menuntut Pendidikan Percuma (GMPP).

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan UNESCO (*Sustainable Development Goals*) yang ke-4 iaitu memastikan pendidikan berkualiti inklusif dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua.

Pendidikan percuma telah dilaksanakan di peringkat prasekolah hingga lepas menengah bagi institusi pendidikan kerajaan di samping pemberian bantuan persekolahan di bawah KPM.

NO. SOALAN : 73

Bagi sektor pendidikan tinggi, kelestarian kemampuan kewangan kerajaan untuk membiayai institusi pendidikan tinggi awam secara berterusan serta inisiatif membolehkanupayakan institusi untuk menjana pendapatan mereka sendiri tanpa menjejaskan kualiti pendidikan yang diberikan adalah faktor utama yang diberi perhatian. Oleh itu, KPM sedang melaksanakan kajian yang terperinci bagi melihat kebolehlaksanaan pendidikan percuma di universiti awam, politeknik dan kolej komuniti di bawah KPM.

KPM turut menyediakan bantuan secara bersasar di peringkat pendidikan tinggi, terutamanya kepada golongan B40 melalui bantuan kewangan pelajar asasi IPTA, bantuan kewangan pelajar matrikulasi, bantuan kewangan kolej komuniti, bantuan kewangan orang kurang upaya, elaun bantuan sara hidup dan biasiswa.

KPM juga bekerjasama dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) melalui program Dermasiswa *My Brighter Future* (MyBF) dengan mengenal pasti calon yang layak dari pangkalan *UPUonline* untuk ditawarkan dermasiswa MyBF sebelum mereka mendaftar di institusi pendidikan tinggi pilihan mereka. Calon yang layak diberi RM10,000 setiap tahun meliputi yuran pengajian, penginapan, elaun sara hidup dan sebagainya sehingga tamat tempoh pengajian mereka. Penglibatan syarikat-syarikat milik kerajaan serta sektor swasta dalam mempertingkatkan jumlah biasiswa pendidikan yang diberikan kepada pelajar adalah penting dalam memastikan pendidikan berkualiti dapat diberikan kepada kesemua golongan masyarakat.

Selain KPM, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui Program Dermasiswa B40 turut memberikan dermasiswa kepada pelajar dari golongan B40 yang sedang mengikuti pengajian peringkat diploma dan sijil profesional di institusi universiti awam, politeknik serta institusi pendidikan tinggi lain. Amnya, pelajar di universiti awam hanya membayar 10% daripada kos sebenar program akademik dan 90% yuran pengajian mendapat subsidi Kerajaan. Yuran ini tidak pernah dinaikkan walaupun kos untuk program berkaitan kian bertambah setiap tahun. Senario ini

NO. SOALAN : 73

dapat dilihat jika program yang sama ditawarkan di IPTS pada harga yang lebih tinggi. Contohnya program perubatan di Universiti Malaya di mana kos program yang perlu dibayar oleh pelajar adalah berjumlah RM14,200 berbanding dengan kos program perubatan di UCSI sebanyak RM260,000.

Walau bagaimanapun, dalam usaha memenuhi manifesto Kerajaan, Kementerian kini sedang mengkaji kemampuan dan kebolehlaksanaan dalam memberikan pendidikan percuma. Beberapa model sedang dipertimbangkan dan pengiraan terperinci berkaitan perkara ini perlu dilaksanakan bersekali dengan pihak Kementerian Kewangan dan universiti awam untuk menampung kos tambahan ini.